

## Eufemisme dalam kalangan Mahasiswa dan Implikasinya kepada Kesantunan Berbahasa

### Euphemism among University Students and Its Implications in Language Politeness

Melor Fauzita Md. Yusoff, <sup>i</sup>Nor Hafidah Ibrahim, <sup>ii</sup>Nor Hasimah Ismail

*Jabatan Bahasa, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah,  
Universiti Utara Malaysia*

#### ABSTRAK

Berbudi bahasa adalah gambaran pancaran hati jernih yang ditunjukkan melalui tingkah laku serta penggunaan bahasa yang bersopan santun serta tidak menyinggung perasaan pihak yang mendengar. Jika bahasa tidak bersopan yang digunakan, tentu sekali masyarakat akan membuat penilaian negatif terhadap pihak yang bercakap. Dewasa ini didapati terdapat segelintir dalam kalangan anak muda bertindak biadab dalam penggunaan bahasa ketika berkomunikasi. Keadaan ini tidak terkecuali kepada golongan mahasiswa yang dikenali sebagai insan terpelajar. Sehubungan dengan itu, kertas kerja ini akan meneliti amalan kesantunan berbahasa golongan ini berdasarkan bahasa yang digunakan. Pendekatan kajian ialah dengan menggunakan kaedah analisis deskriptif terhadap data-data yang diperolehi. Amalan kesantunan berbahasa akan dilihat berdasarkan penggunaan unsur-unsur eufemisme dengan meneliti kaitannya dengan aspek sosiolinguistik serta implikasinya terhadap kesantunan berbahasa. Eufemisme bukan sahaja memberi gambaran yang lebih halus ke atas bahasa yang digunakan tetapi juga memberi gambaran yang lebih positif kepada pengguna bahasa itu sendiri.

**Kata kunci:** Eufemisme, kesantunan bahasa, mahasiswa, norma sosial.

#### ABSTRACT

Be courteous reflects a clear heart that demonstrates polite behavior and the use of language that does not offend the listeners. If language politeness is not used, the society will give negative judgement towards the speaking party. Today it is found that there are a handful of young people who act rudely in communication. This situation is no exception among university students who are known as educated people. In this regard, this paper will

examine the practice of this language politeness for this group of students based on the language used. The approach of the study is to apply the use of descriptive analysis method on the data obtained. Practice of language politeness will be seen based on the use of elements of euphemism by examining its relation to sociolinguistic aspect and its implications on language politeness. Euphemism not only gives a smoother picture over the language used but also provides a more positive view to the users of the language itself.

**Keywords:** Euphemism, language politeness, university students, social norm.

## 1.0 PENGENALAN

Bahasa sememangnya mempunyai hubung kait yang sangat rapat dengan masyarakat penuturnya. Penggunaan bahasa juga secara tersurat mahupun tersirat mampu memperlihatkan peribadi penutur itu sendiri. Dalam amalan seharian yang berkait dengan budi bahasa, masyarakat Melayu memberi nilai yang tinggi kepada golongan yang mempraktikkannya. Penentuan tahap kesantunan berbahasa bukan sahaja memberi peluang kepada ahli masyarakat memilih bahasa terbaik untuk menonjolkan identiti diri tetapi juga membuka ruang kepada pihak yang mendengar mengamati dan mempraktikkan amalan ini demi kelangsungan hubungan yang harmonis dalam kalangan masyarakat.

Bagi masyarakat Melayu, konsep kesantunan dilihat sebagai suatu pegangan yang sudah sebatu menjadi darah daging sejak turun temurun lagi. Kesantunan dinilai berdasarkan konsep budi. Masyarakat akan menilai kecantikan seseorang bukan semata-mata penampilan luaran tetapi apa yang menjadi keutamaan ialah nilai budi bahasanya. Sidek (2005) seperti yang dipetik dalam Zaidi (2008:84) memberi takrifan berbudi bahasa sebagai amalan yang memupuk sikap kesalingan menggunakan bahasa yang baik, tanda hormat, penghargaan, terima kasih dan faham akan makam atau martabat seseorang. Berbudi bahasa adalah gambaran pancaran hati jernih yang diungkapkan secara baik dan mesra serta memberikan kesan baik pula pada orang lain. Kesantunan bahasa juga dilihat sebagai alat sosial yang amat mustahak untuk menjalinkan perhubungan dan amat dituntut dalam masyarakat dunia memandangkan bahasa menjadi medium perantara untuk berhubung di samping menyampaikan maksud. Situasi kesantunan berbahasa yang semakin meruncing telah membuka mata pihak kerajaan untuk menyerlahkan kembali budaya santun berbahasa dalam kalangan rakyat Malaysia. Penggunaan bahasa yang bersantun menggambarkan pengguna bahasa berkenaan mempunyai budi pekerti yang tinggi. Penggunaanya bukan sahaja untuk menjaga perasaan orang lain, tetapi juga mengelakkan konflik yang

mungkin akan berlaku. Apa yang penting, kesantunan berbahasa adalah cerminan budaya sesuatu masyarakat. Hal ini demikian kerana kesantunan berbahasa masyarakat sering kali dipengaruhi oleh norma-norma budaya masyarakat tersebut. Bahasa yang baik menunjukkan budaya yang sihat bagi sesuatu masyarakat, begitu juga sebaliknya. Walau bagaimanapun, kesantunan berbahasa dalam sesebuah bahasa atau masyarakat itu bersifat khusus. Apa yang dianggap sopan dalam sesuatu masyarakat itu mungkin dianggap sebaliknya dalam bahasa atau masyarakat lain. Hal ini demikian kerana penekanan dalam menentukan atau menetapkan soal kesantunan adalah berbeza antara bahasa atau masyarakat yang berbeza. Apa yang pasti, ukuran nilai kesantunan berbahasa semestinya terletak pada individu atau kumpulan yang dilawan bercakap bersandarkan norma-norma yang telah dipersetujui oleh masyarakat setempat.

Pada dasarnya, aspek kesantunan tidak dapat lari daripada ungkapan yang sesuai dengan keinginan masyarakat. Ungkapan yang dilihat boleh melukai perasaan orang lain perlu dihindari. Walaupun kata yang digunakan adalah tepat mengikut peraturan berbahasa, namun adakalanya kata sebegitu perlu dihindari kerana melukai perasaan orang yang ditujukan kata tersebut. Sebagai contoh, kata 'orang buta' adalah sebutan yang biasa sebelum ini, tetapi penggunaannya pada masa kini akan menimbulkan kemarahan kerana kata tersebut dianggap kasar. Kekasaran yang timbul bukan kerana bunyinya, tetapi kerana anjakan masa yang memberi nilai rasa yang berbeza berbanding zaman dahulu. Nilai yang ditimbulkan dari kata ini seolah-olah menghina mereka atas ketidakupayaan fizikal yang dihadapi. Dewasa ini, kata 'orang buta' telah digantikan dengan eufemisme 'orang cacat penglihatan' atau terkini 'orang kelainan upaya'. Begitu juga kata 'orang gaji' yang digantikan dengan 'pembantu rumah'. Tidak mustahil kata, frasa atau ayat baharu yang kedengaran lebih halus akan menggantikan kata, frasa atau ayat yang digunakan kini sesuai dengan perkembangan zaman serta dapat diterima oleh khalayak penutur. Oleh yang demikian, penggunaan eufemisme akan semakin berkembang untuk meneutralkan perkataan, frasa dan ayat bagi menggantikan kata-kata yang berbaur kasar dan tidak menyenangkan pendengar mahupun lawan tutur semasa berkomunikasi. Sejajar dengan Pelan Induk Pembangunan Negara 2006-2010 (PIPP) dalam dasar Rancangan Malaysia ke-9 yang menekankan aspek kesantunan menerusi penekanan terhadap pembangunan modal insan dalam pendidikan negara, pengkaji terpanggil untuk melihat kesantunan berbahasa golongan yang masih aktif dalam sistem pendidikan negara iaitu golongan mahasiswa. Aspek kesantunan berbahasa golongan ini cuba dikesan melalui penggunaan eufemisme dalam komunikasi seharian mereka. Dalam hal ini, penerapan pembangunan modal insan terutama kepada generasi muda memperlihatkan hubungan antara manusia dengan

manusia, hubungan manusia dengan Pencipta dan hubungan manusia dengan alam sekeliling.

## 2.0. EUFEMISME

Eufemisme berasal daripada perkataan Yunani, *euphemizein* yang bermaksud menggunakan kata-kata yang baik dan dengan tujuan yang baik (Abdul Rashid dan Amat Juhari, 2010:125) atau penggunaan kata yang lebih manis untuk menggambarkan bahasa yang kasar atau kesat. Dalam erti kata lain, eufemisme adalah pernyataan dalam bentuk perkataan mahupun frasa yang bersifat lebih lembut atau sederhana, lebih baik atau menyenangkan dan kurang terus terang sifatnya bagi memperkatakan sesuatu yang mungkin dianggap kasar atau menyinggung perasaan seseorang (Saidatul Nornis Hj. Mahadi, 2007:25). Bagi Teo Kok Seong (1996a, 1996b, 2003) pula, eufemisme diterjemahkan sebagai penggunaan bahasa yang lebih manis untuk menggantikan bahasa yang kasar. Oleh itu, eufemisme adalah pernyataan dalam bentuk perkataan ataupun frasa yang bersifat lebih lembut untuk menjaga perasaan orang yang dilawan bercakap. Robert Sibarani, MS (2004:215) melihat eufemisme sebagai penggunaan ungkapan yang halus sebagai pengganti segala yang tabu agar bahasa yang digunakan 'terjaga' dan sopan. S. Nathesan (2008:63) juga melihat eufemisme sebagai kata yang mementingkan kehalusan budi, kata gantian atau alternatif bagi kata yang menjadi tabu. Tabu dalam kebanyakan masyarakat dan budaya ialah perkara-perkara yang berkaitan dengan seks, beberapa fungsi badan, beberapa anggota badan, hal bersalin dan najis.

Za'ba dalam Hasan (1961) turut memasukkan kata-kata dalam 'kiasan gayang' sebagai kata-kata yang lebih tertib ketika bergaul. Kiasan yang dimaksudkan termasuk juga kata-kata manis yang digunakan menggantikan kata-kata yang tidak elok bunyinya seperti 'kencing' diganti dengan 'buang air'. Unsur penghinaan juga bukanlah sesuatu yang selari dengan budaya Melayu. Kata-kata yang boleh menyinggung pihak lain sentiasa cuba dielakkan penggunaannya dalam kalangan masyarakat. Contoh perkataan yang boleh menghina orang yang tujukan kata tersebut atau ahli keluarga orang tersebut ialah perkataan 'orang gila' dan 'gila babi'. Selari dengan perkembangan tamadun dalam pemikiran manusia, dua contoh perkataan tersebut digantikan dengan kata 'orang hilang akal' dan 'penyakit sawan'.

Satu hal yang perlu diberi perhatian tentang penggunaan eufemisme ialah eufemisme seringkali digantikan dengan yang baharu kerana yang lama itu atau yang sebelumnya itu menjadi kesat dan tidak sesuai digunakan lagi. Disebabkan hal inilah terdapat dua jenis eufemisme, iaitu eufemisme yang mantap erti dan

penggunaannya serta eufemisme yang belum lagi menjadi kebiasaan dalam kalangan penutur bahasa menyebabkan erti serta penggunaannya masih belum mantap. Contoh eufemisme yang telah mantap penggunaannya ialah 'meninggal dunia' dan 'kembali ke rahmatullah' bagi menggantikan perkataan 'mati'. Contoh bagi eufemisme yang belum mantap dan masih lagi berlaku penambahbaikan dari semasa ke semasa ialah kata 'jamban'. Kata ini sering kali dieufemismekan kerana ada kaitan dengan perkataan najis. Suatu ketika dahulu kata 'jamban' digunakan sebelum berlaku perkembangan bahasa dan budaya ke arah yang lebih manis dan bersopan santun. Perkataan 'jamban' yang dianggap kesat telah digantikan dengan kata 'tandas'. Namun begitu, kata 'tandas' juga tidak bertahan lama kerana ianya telah digantikan pula dengan perkataan 'bilik air'. Dewasa ini, terdapat pula sebilangan pengguna bahasa yang kurang senang dengan perkataan 'bilik air' telah menggunakan eufemisme baharu, iaitu 'bilik bedak' atau 'bilik selesa'. Disebabkan hal inilah, penggantian eufemisme akan terus berlaku tanpa kesudahan selari dengan perkembangan pemikiran budaya dan bahasa masyarakat.

### **3.0. PERMASALAHAN KAJIAN**

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, kajian mengenai eufemisme masih kurang mendapat tempat dalam kalangan pengkaji bahasa khususnya mengenai penggunaannya oleh mahasiswa universiti. Kajian dilakukan kerana mahasiswa yang termasuk juga dalam golongan remaja dikatakan semakin kurang mengamalkan kesantunan berbahasa. Sebagai contoh, Senator Dato' Dr. Firdaus Abdullah (Utusan Malaysia, 7 Julai 2011) mengatakan bahawa terdapat segelintir dalam kalangan golongan muda bertindak biadab dalam penggunaan bahasa ketika berkomunikasi. Sehubungan dengan itu, pengkaji cuba menyelidik penggunaan bahasa golongan ini melalui penulisan yang dilakukan bagi mencari jawapan kepada persoalan yang semakin dibimbangi oleh sebilangan besar masyarakat kini.

### **4.0 OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini ialah:

- i. Mengenal pasti penggunaan eufemisme yang digunakan oleh pelajar kursus SBLM 1023, UUM.
- ii. Mengkategorikan eufemisme yang digunakan oleh pelajar kursus SBLM 1023, UUM.

- iii. Menjelaskan penggunaan eufemisme pelajar kursus SBLM 1023, UUM dengan kesantunan berbahasa bahasa Melayu.

## 5.0 SOROTAN KARYA

Berdasarkan kajian-kajian lepas, eufemisme banyak dikaji dengan melihat kepada cerpen, novel dan filem sebagai data kajian. Eko Supriyadi (2013) telah meneliti perihal bahasa tabu dan eufemisme dalam kumpulan cerpen ‘Senyum Karyamin’ karya Ahmad Tohari. Hasil kajian mendapati terdapat sepuluh data mengenai eufemisme yang terdapat dalam cerpen ‘Senyum Karyamin’. Eufemisme dalam cerpen ‘Senyum Karyamin’ merupakan penggunaan bahasa yang sederhana dan sering digunakan dalam kehidupan seharian seperti kata enak dipandang, ular atau ulo dalam bahasa Jawa, tiada, sudah pulang ke rumah orang tuanya dan bahasa lain dalam bahasa daerah seperti priayi, kawulo, dan wong cilik. Pengkaji turut menyenaraikan subjek yang dieufemismekan pada perkataan tuhan, alat kelamin, pakaian dalam, kondisi, alat kontrasepsi, sifat kurang, organ vital dan kondisi sosial.

Zuraidah Jantan (2009) pula membicarakan tentang ‘Unsur Eufemisme dalam Novel Melayu: Satu Manifestasi Kesopanan Bahasa’. Dalam kajian tersebut, beliau memberi fokus kepada dua buah novel, iaitu novel ‘Mereka Yang Tertewas’ dan ‘Black Widow’. Ia bertujuan melihat perbandingan penggunaan eufemisme di antara novel yang mengandungi unsur agama dan novel biasa serta perbandingan antara novel lama dan baharu. Pendekatan Gumperz (1984) serta empat pendekatan lain, iaitu pendekatan norma sosial, maksim perbualan, jaga air muka dan kontrak perbualan digunakan. Persoalan utama yang diteliti dalam dua novel ini adalah tentang penggunaan gaya bahasa eufemisme dengan melihat bilangan kekerapan penggunaan eufemisme dan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Eufemisme sering kali digantikan dengan yang baharu kerana yang lama atau yang sebelumnya menjadi kesat dan tidak sesuai digunakan lagi. Kajian mendapati masyarakat Melayu amat mementingkan kesopanan bukan sahaja dalam perlakuan, bahkan dalam penggunaan dan pemilihan bahasa.

Noor Hatini Zolkifli dan Siti Saniah Abu Bakar (2011) pula mengkaji ‘Unsur Eufemisme dalam Novel Papa dan Azfa Hanani’. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks dengan mengaplikasikan Maksim Leech (1993). Dapatan mendapati novel ‘Azfa Amani’ lebih kerap menggunakan unsur eufemisme, iaitu sebanyak 36 unsur berbanding hanya 27 unsur dalam novel ‘Papa’. Berdasarkan unsur eufemisme tersebut, didapati sebanyak 11 dan enam (6) unsur dalam dialog yang digunakan menepati Maksim Leech (1993).

Secara umumnya, penggunaan unsur ini sememangnya digunakan secara meluas dalam masyarakat kini. Fungsi bahasa ini bukan bertujuan memeralatkan bahasa tetapi yang lebih berharga ialah untuk berlaku sopan ketika berbahasa demi kesejahteraan bersama.

## **6.0 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis dokumen. Dokumen yang dianalisis ialah skrip drama yang ditulis oleh pelajar kursus SBLM1023 Pengantar Penulisan di Universiti Utara Malaysia. Data yang diperoleh adalah data mentah yang dikumpul untuk tujuan penyelidikan yang akan dilakukan. Semua data-data ini kemudian diteliti bagi mendapatkan jawapan kepada objektif kajian. Analisis adalah berdasarkan eufemisme yang timbul daripada kata-kata tabu dan tidak santun mengikut pengelasan yang diberikan oleh ahli-ahli bahasa di Malaysia. Data akan ditunjukkan dalam jadual bagi memudahkan penerangan dan penjelasan.

## **7.0 PENDEKATAN KAJIAN**

Kajian akan meneliti unsur-unsur eufemisme dengan mengambil kira pendapat-pendapat ahli bahasa di Malaysia. Eufemisme yang berkaitan pantang larang atau tabu bahasa berdasarkan Amat Juhari dan Abdul Rashid (2010) dan S. Nathesan (2008) diambil kira.

### **7.1 Batasan Kajian**

Kajian hanya akan meneliti penggunaan eufemisme pelajar yang mengambil kursus SBLM 1023 Pengantar Penulisan sahaja. Penggunaan eufemisme pelajar-pelajar ini hanya akan diteliti berdasarkan dialog yang digarap berdasarkan skrip drama yang ditulis.

## **8.0 DAPATAN KAJIAN**

Kajian telah mengenal pasti penggunaan eufemisme pelajar kursus SBLM 1023 Pengantar Penulisan, UUM berdasarkan kriteria unsur eufemisme yang berkaitan pantang larang atau tabu bahasa berdasarkan Amat Juhari dan Abdul Rashid (2010) dan S. Nathesan (2008). Untuk lebih jelas lagi, berikut dikemukakan rajah yang menunjukkan penggunaan eufemisme pelajar– pelajar tersebut:

**Jadual 1: Kekerapan Penggunaan Eufemisme**

<b>Kala Senja Dia Datang</b>			
<b>Bil.</b>	<b>Eufemisme</b>	<b>Kata-kata Asal</b>	<b>Kategori</b>
1.	mantan isteri	janda	melembutkan kata
2.	bau meloyakan	bau yang teramat busuk	melembutkan kata
3.	Semakin keras mencucuk	semakin berbau busuk	melembutkan kata
4.	menyembah bumi	roboh	melembutkan kata
5.	kuasa jahat	hantu/syaitan	tabu-ketakutan
6.	'benda' tu	hantu/syaitan	tabu-ketakutan
7.	tak sedap hati	risau	melembutkan kata
8.	menemui ajal	mati	melembutkan kata
9.	jangan ditegur	jangan bercakap mengenai hantu/syaitan tersebut	melembutkan kata
10.	'dia' akan datang	hantu/syaitan akan datang	tabu-ketakutan
11.	'dia' akan datang	hantu/syaitan akan datang	tabu-ketakutan
12.	'benda tu' takkan berani datang dekat	hantu/syaitan tu takkan berani datang dekat	tabu- ketakutan
13.	'benda tu' dah tak ganggu anak-anak kamu lagi	hantu/syaitan dah tak ganggu anak-anak kamu lagi	tabu- ketakutan
14.	'benda tu' takkan mengganggu anak-anak saya lagi lepas ni	hantu/syaitan takkan mengganggu anak-anak saya lagi lepas ni	tabu- ketakutan
15.	'dia' pusing-pusing kat luar aja pun	hantu/syaitan pusing-pusing kat luar aja pun	tabu- ketakutan
16.	berani-berani pulak 'dia' hendak masuk	berani-berani pulak hantu/syaitan hendak masuk	tabu- ketakutan
17.	'benda tu' dah tak ada ke?	hantu/syaitan dah tak ada ke?	tabu- ketakutan
<b>Selambut Rindu Melambai</b>			
18.	perut yang sudah berkeroncong	sudah lapar	melembutkan kata
19.	perlu buat haluan masing-masing	bercerai	melembutkan kata



<b>Dusun Bukit Tunjang</b>			
20.	nanti 'dia' marah	nanti Tok Keramat Batu Putih (makhluk halus) marah	tabu-kepercayaan dan adat
21.	nanti 'dia' marah	Tok Keramat Batu Putih (makhluk halus)	tabu-kepercayaan dan adat
22.	'mereka' juga ada dunia 'mereka'	Makhluk halus	tabu-kepercayaan dan adat
<b>Along</b>			
23.	pergi mengadap Tuhan untuk selama-lamanya	mati	melembutkan kata
<b>Menanti Ramadhan</b>			
24.	akan menemui ajal	mati	melembutkan kata
25.	kalau aku 'pergi' malam ni	mati	melembutkan kata
<b>Akhir Sebuah Cinta</b>			
26.	buat benda tak elok	rogol	unsur seks/ lucah
27.	supaya ibu 'pergi'	mati	melembutkan kata
28.	tamatkan riwayat	akan dibunuh	melembutkan kata
29.	nasib dirinya yang 'akan tamat' dengan cara yang tragis	akan dibunuh	melembutkan kata
30.	kehilangan 'mahkota' yang dijaga selama ini	kehilangan dara	unsur seks/ lucah

Dapat dilihat bahawa eufemisme bukan sahaja digunakan bagi menggantikan perkataan-perkataan yang dianggap tabu dalam masyarakat Melayu, sebaliknya eufemisme telah diperluaskan penggunaannya kepada tujuan menjaga air muka dan melembutkan perkataan-perkataan yang sememangnya telah lembut bagi 'mencantikkan' bahasa yang digunakan (Zuraidah: 146). Perkataan yang dianggap tabu dari data yang diperoleh ialah hal-hal yang berkait dengan ketakutan, adat dan kepercayaan serta hal-hal berunsur seks yang telah diganti bagi menjaga air muka watak.

#### a. Tabu yang berkaitan adat dan kepercayaan

Masyarakat Melayu amat menitikberatkan hal-hal yang berkaitan adat dan budaya. Bagi masyarakat Melayu, adat dan kepercayaan perlu disanjung dan diletakkan di tempat tertinggi hingga boleh digantikan dengan nyawa. Keadaan ini jelas terbukti dengan adanya pepatah Melayu yang mengatakan 'biar mati anak, jangan mati adat'. Adat dan kepercayaan yang dipegang oleh masyarakat Melayu secara asasnya wujud sejak dahulu lagi sebelum kedatangan agama Islam.

Kepercayaan kepada semangat sama ada kepada makhluk bernyawa atau tidak telah mempengaruhi masyarakat Melayu dalam setiap tindakan yang dilakukan. Mereka percaya semangat ini akan memberi impak kepada kehidupan seharian mereka dengan cara yang baik dan buruk. Oleh itu, masyarakat Melayu begitu berhati-hati sama ada dalam perlakuan atau percakapan yang berkait dengan adat dan kepercayaan ini sehinggakan hal-hal yang demikian dianggap tabu. Berdasarkan dapatan kajian, antara kata atau ungkapan yang digunakan berkaitan adat dan kepercayaan ini ialah ‘nanti dia marah’ dan ‘mereka juga ada dunia mereka’. Oleh kerana ada larangan tertentu yang telah ditetapkan oleh masyarakat ketika menggunakan bahasa bagi perkara-perkara berkenaan, maka ungkapan-ungkapan yang dianggap tabu telah digantikan dengan kata atau ungkapan-ungkapan lain yang dianggap lebih sopan dan manis untuk didengar. Dalam hal ini untuk menjaga hati penunggu, iaitu Tok Keramat Batu Putih, kata ganti nama diri manusia berbentuk jamak telah digunakan kepada penunggu tersebut. Penggunaan kata ganti nama tersebut menunjukkan orang yang menyebutnya sangat menghormati ‘penunggu’ tersebut hingga memberikan kata ganti nama diri manusia kepada golongan ini dengan harapan agar mereka tidak diganggu sehingga boleh memberi kecelakaan dan kemudaratan kepada mereka dan keluarga mereka serta seluruh ahli masyarakat amnya. Dalam hal ini, dapatlah dikatakan bahawa pelajar kursus SBLM 1023 Pengantar Penulisan, Universiti Utara Malaysia sedar akan perkara ini dengan mengaplikasikan penggunaannya dalam dialog skrip drama yang ditulis. Jelas sekali pelajar-pelajar ini sedar bahawa eufemisme yang digunakan berfungsi untuk melunakkan lagi bahasa yang digunakan di samping mampu untuk menunjukkan kecekapan kesantunan berbahasa mereka dengan menggunakan bahasa mengikut kesesuaian konteks.

#### **b. Tabu yang berkaitan ketakutan**

Tabu ketakutan berkait juga dengan tabu kepercayaan apabila masyarakat Melayu pada zaman animisme mempercayai kewujudan kuasa alam seperti hantu, jembalang, makhluk ghaib dan sebagainya. Kepercayaan begini secara tidak langsung telah menambahkan lagi bilangan tabu bahasa. Kepercayaan ini menyebabkan masyarakat tidak berani berkata sembarangan di tempat tertentu dan pada masa yang tertentu. Hasil analisis yang dilakukan melalui skrip drama yang ditulis oleh pelajar kursus SBLM 1023 Pengantar Penulisan, Universiti Utara Malaysia, didapati terdapat beberapa eufemisme yang terhasil daripada tabu yang berkait dengan ketakutan. Antara eufemisme yang digunakan ialah “ ‘benda tu’ dah tak ada ke?”, “ ‘dia’ akan datang” dan “ ‘dia’ pusing-pusing kat luar aja pun”. Dalam hal ini jelas menunjukkan penggunaan eufemisme bagi menggantikan kata hantu syaitan. Eufemisme ‘benda tu’ dan ‘dia’ digunakan kerana penuturnya bimbang akan ditimpa sesuatu malapetaka atau bencana

sekiranya menuturkan perkataan tersebut. Penutur juga percaya bahawa dengan menggunakan eufemisme, mereka akan mengurangkan risiko didatangi hantu syaitan berkenaan. Atas alasan inilah penutur sedaya upaya tidak menyebut perkataan yang boleh dianggap sebagai menyeru hantu syaitan tersebut datang kepada mereka. Dalam hal ini, pelajar kursus SBLM 1023 Pengantar Penulisan, Universiti Utara Malaysia, dilihat telah berjaya menggunakan unsur eufemisme yang sesuai bagi menggambarkan situasi yang ingin diceritakan. Selain berjaya menunjukkan pemahaman mereka akan adat dan budaya Melayu, pelajar-pelajar ini juga bijak menggunakan bahasa yang berlapik dan berkias. Bentuk kiasan ini digunakan sebagai cara untuk mengelak kata yang menjadi tabu tersebut agar tidak disebut secara terang-terangan.

### **c. Tabu yang berkaitan unsur seks/lucah dan fungsi badan**

Masyarakat Melayu sememangnya terkenal dengan masyarakat yang berbudi bahasa. Sejak Islam datang pada abad ke-13, ajaran yang menerapkan nilai moral dan akhlak amat sesuai dengan sifat masyarakat Melayu sendiri yang begitu mementingkan kehormatan dan maruah diri. Oleh itu, hal-hal yang berkaitan unsur seks, lucah dan fungsi badan terutama kepada golongan wanita dianggap tabu dalam masyarakat tabu. Berdasarkan dapatan kajian, terdapat dua eufemisme yang digunakan bagi menggantikan tabu yang berkaitan dengan unsur seks, lucah dan fungsi badan. Eufemisme tersebut ialah 'buat benda tak elok' bagi menggantikan perkataan dirogol dan 'kehilangan 'mahkota' yang dijaga selama ini' sebagai menggantikan kata telah kehilangan dara. Hilang dara bagi seorang gadis adalah sesuatu yang sangat memalukan seolah-olah telah kehilangan nyawa mereka. Dalam hal ini, pelajar kursus SBLM 1023 Pengantar Penulisan, Universiti Utara Malaysia, dilihat telah berjaya menggunakan eufemisme yang sesuai. Hal ini demikian kerana dalam masyarakat Melayu kesantunan bukan hanya dinilai berdasarkan perbuatan tetapi juga ketika berbahasa. Penggunaan bahasa yang baik perlu diteliti agar bukan sahaja tidak menyinggung perasaan orang yang ditunjukkan kata tersebut, tetapi juga kepada pihak yang mendengar.

### **d. Melembutkan Kata**

Berdasarkan kajian yang dilakukan, apa yang paling ketara ialah dewasa ini penggunaan eufemisme bukan sahaja digunakan untuk menggantikan kata-kata bersifat tabu, tetapi juga digunakan untuk melunak dan mengindahkan kata. Fenomena ini terjadi bertujuan untuk membentuk kehidupan yang harmoni dan saling hormat-menghormati dalam kalangan masyarakat. Antara contoh penggunaan kata yang digunakan bagi melembutkan lagi kata dalam skrip drama yang ditulis ialah 'pergi mengadap Tuhan untuk selama-lamanya', 'akan menemui ajal', dan 'kalau aku 'pergi' malam ni'. Berdasarkan contoh yang diberikan,

eufemisme yang digunakan bukanlah bagi menggantikan kata-kata bersifat tabu, tetapi dilihat bertujuan untuk melembutkan ayat yang digunakan. Ketiga-tiga contoh yang diberikan bermaksud 'mati', namun di sini pelajar kursus SBLM 1023 Pengantar Penulisan, Universiti Utara Malaysia, telah menggunakan frasa yang sesuai mengikut konteks. Dalam hal ini, walaupun maksud tersurat bagi frasa tersebut ialah 'mati', namun perkataan 'akan' dan 'pergi' adalah paling sesuai kerana subjek tersebut belum lagi 'mati'. Sebagai menunjukkan penggunaan bahasa yang bersopan santun, pelajar kursus SBLM 1023 Pengantar Penulisan, Universiti Utara Malaysia, telah menggunakan kata-kata biasa dengan menggantikan kata-kata yang lebih bermakna sebagai suatu cara penonjolan peribadi yang lebih tinggi.

## 9.0 KESIMPULAN

Kertas kerja ini merupakan satu tinjauan awal tentang penggunaan bahasa pelajar kursus SBLM 1023 Pengantar Penulisan, Universiti Utara Malaysia, khasnya penggunaan eufemisme. Bagi mengelakkan penggunaan bahasa yang dianggap kasar dan boleh mendatangkan musibah dalam masyarakat, maka penggunaan bahasa pelajar universiti yang tergolong dalam kalangan remaja perlu diteliti dan di uar-uarkan dapatannya selari dengan perubahan masyarakat dan budaya yang bersifat universal kini. Dapatan mendapati pelajar kursus SBLM 1023 Pengantar Penulisan, Universiti Utara Malaysia selaku mahasiswa yang berpendidikan tinggi mengambil berat perihal pemilihan kata dan ungkapan yang digunakan. Walaupun penggunaan kesantunan berbahasa pelajar-pelajar ini tidak dirakam secara langsung semasa sesi dialog bersama rakan, masyarakat dan sebagainya, namun penggunaan gaya bahasa yang sesuai melalui penulisan yang dibuat jelas menunjukkan penguasaan yang baik terhadap aspek sosiobudaya masyarakat. Segala persoalan dan keinginan yang cuba disampaikan dilakukan dengan baik agar tidak menyinggung perasaan mana-mana pihak. Masyarakat Malaysia sendiri tidak terkecuali dalam perkara ini. Oleh kerana sifatnya yang dinamik, penggunaan bahasa sehari-hari akan sentiasa berubah sama ada kerana adanya proses perubahan dalam masyarakat itu sendiri atau pengaruh dari luar. Walaupun perubahan ini akan terus berlaku pada setiap detik dan ketika, namun masyarakat perlu sedar akan tanggungjawab sosial masing-masing serta memainkan peranan sewajarnya agar aspek nilai budi juga berkembang selari dengan perkembangan perkara-perkara lain seperti sains dan teknologi.

Dr. Melor Fauzita binti Md. Yusoff<sup>i</sup>, Nor Hafidah binti Ibrahim<sup>ii</sup> dan Dr. Nor Hasimah Ismail<sup>iii</sup> ialah pensyarah kanan di Unit Bahasa Melayu, Jabatan Bahasa, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia

## RUJUKAN

- Abdul Rashid Daing Melebek & Amat Juhari Moain. (2010). *Sosiolinguistik dan bahasa Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hasan Baseri Budiman. (2010). Bahasa kolokial bahasa komunikasi di tempat awam? *Dewan Bahasa*, 36-39.
- Noor Hatini Zolkifli & Siti Saniah Abu Bakar. (2011). Unsur eufemisme dalam novel 'Papa' dan 'Azfa Hanani'. *Jurnal Bahasa*, 11(1), hal.83-108.
- Petronella Apin & Kartini Abd Wahab. (2015). Tabu bahasa dalam masyarakat dusun di daerah Ranau, Sabah. *Jurnal Melayu*. 14(2), hal.224-239.
- Robert Sibarani M.S. dlm. Worawit Baru @ Haji Ahmad Idris (pngr). (2004). *Pemikiran Melayu: Tradisi dan Kesenambungan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S. Nathesan. (2008). *Makna dalam bahasa Melayu (edisi kedua)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saidatul Nornis Hj Mahali. (2007). *Unsur Bahasa dalam Budaya*. Kota Kinabalu. Universiti Malaysia Sabah.
- Teo Kok Seong. (2003). Kesantunan berbahasa: Kes bahasa Melayu. *Dewan Bahasa*, hal. 21.
- Zaidi Ismail. (2008). *Disebalik Kata*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zuraidah Jantan. (2009). Unsur eufemisme dalam novel Melayu: Satu manifestasi kesopanan bahasa. *Jurnal ASWARA*. hal. 137-139

